

14/09/1998

Zahid boleh dikenakan tindakan

TEMERLOH, Ahad - Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, perlu mengundurkan diri jika mengambil pendirian terus menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam gerakan reformasinya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Zahid sepatutnya menghentikan tindakan menyokong Anwar yang kini menentang Umno.

"Anwar bukan lagi ahli Umno dan sebagai Ketua Pemuda Umno yang menduduki kedudukan tinggi dalam parti, beliau mesti faham.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh membuat keputusan bagi pihak Majlis Tertinggi (MT) mengenai kedudukan Zahid," katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan mengenai isu pemecatan Anwar di sini, hari ini.

Majlis penerangan yang berlangsung hampir dua jam itu diadakan secara tertutup serta dihadiri kira-kira 250 ahli Umno peringkat cawangan dalam bahagian Temerloh.

Menurutnya, Zahid boleh dikenakan tindakan mengikut fasal 18.6 Perlembagaan Umno sama ada diberi amaran, digantung keahlian, dilarang bertanding atau hukuman lain.

Beliau berkata, ini kerana berdasarkan fasal 18.4, setiap ahli Umno perlu patuh kepada keputusan parti, menjaga nama baik parti dan menjalankan dasar parti.

Sabbaruddin yang juga Ketua Umno bahagian Temerloh berkata, Umno bahagiannya sebulat suara menyatakan sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keputusan MT memecat Anwar daripada parti.

(END)